

Ipoh Bersih, hijau dan membangun

RM2.4 juta untuk naiktaraf jalan - ms 3

Menarik di dalam.....

- RM1.5 juta bagi pengindahan Little India - ms 2
- Kakitangan awam di Perak bakal nikmati gaji minima - ms 4
- Turun padang agenda Datuk Bandar - ms 8
- Sumptuous Medan delicacies in Ipoh soon - ms 14
- Ipoh Garden's exemplary residents - ms 15



RM1.5 juta bagi pengindahan *Little India*

RM1.5 million approved to beautify Little India



TPM YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa melawat LITTLE INDIA.

LITTLE INDIA di Ipoh akan mengalami transformasi secara keseluruhan berikutan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk memperindah kawasan itu dan mempromosikannya sebagai destinasi tarikan pelancong.

Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang melawat kawasan perniagaan terbabit pada 25 Jun, meluluskan peruntukan RM1.5 juta kepada MBI untuk melaksanakan projek pengindahan itu.

Menurut Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim, MBI merancang untuk mengecat semua bangunan di *Little India* dengan warna seragam, sama seperti bangunan peninggalan *Stadhuis* di Melaka yang menggunakan warna kemerahan.

Beliau bagaimanapun, berkata pihaknya akan mendapatkan maklumbalas daripada peniaga di kawasan itu sebelum meneruskan rancangan berkenaan.

"Kita akan memberi peluang kepada peniaga di situ untuk menentukan warna yang bersesuaian," katanya.

Selain itu, kerajaan negeri juga turut meluluskan peruntukan RM300,000 bagi membina pintu gerbang di *Little India* yang kini berada di peringkat akhir perancangan.

Pembinaan projek pintu gerbang itu akan dilaksanakan serentak dengan rancangan mengecat bangunan di *Little India*.

IPOH'S very own Little India will undergo a total makeover following plans by the Federal Government to beautify the area and turn it into a popular tourist spot.

Deputy Prime Minister YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin who visited the area on June 25, immediately approved RM1.5 million for MBI to carry out the beautification exercise.

According to Datuk Bandar Y. Bhg Dato' Roshidi Hashim, MBI plans to paint all buildings in Little India in a uniformed colour, similar to the reddish-coloured *Stadhuis* building in Malacca.

However, he would seek feedback from residents first before proceeding with the plan.

"We will let the residents decide on the colour," he said.

Besides that, the state government had also approved an additional RM300,000 for the construction of an arch at Little India.

The construction of the arch and the painting of the buildings will start simultaneously.



TPM YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin meninjau dan beramah mesra dengan peniaga di Little India.



RM2.4 juta bakal dibelanjakan untuk menaiktaraf jalan

SELAIN memberi wajah kosmopolitan kepada bandaraya, infrastruktur fizikal memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup setiap wargakotanya.

Infrastruktur yang dibangunkan dengan baik juga diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan bagi melambangkan kejayaan dan perkembangan sesebuah bandaraya.

Menyedari hakikat itu, MBI yang bertanggungjawab merancang pembangunan infrastruktur di Ipoh mahu memastikan kerja menaiktaraf dan pembinaan jalan raya baru yang mencukupi dapat dilaksanakan.

Bagi memenuhi tanggungjawab itu, MBI baru-baru ini mengumumkan akan membelanjakan RM2.4 juta pada tahun ini untuk projek pelebaran dan menaiktaraf jalan raya.

Ia dapat dilaksanakan selepas MBI berjaya memperoleh peruntukan berjumlah RM72 juta daripada Sistem Indeks Simpanan Jalan Raya Malaysia (MARRIS) di bawah Kementerian Kewangan bagi menjayakan projek terbabit.

"Kita membelanjakan RM2.4 juta tahun ini dan bakinya akan digunakan untuk tahun depan," kata Datuk Bandar, Y.Bhg Dato' Roshidi Hashim.

Tahun ini, MBI meluluskan projek melebar dan menurap semula jalan di 11 kawasan dalam bandaraya dan antara kawasan itu adalah pusat bandaraya, Pasir Pinji, Taman Merdeka dan Menglembu.

Usaha ini akan menyaksikan kualiti jalan raya di Ipoh akan dinaiktaraf sepenuhnya.

"Rakyat mahu melihat penambahbaikan pada keadaan jalan yang ditar semula. Oleh itu, saya harus memastikan ia dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan MBI mencapai standard yang ditetapkan. Ia penting kerana wargakota begitu mementingkan persekitaran hidup yang berkualiti," katanya.

Keadaan jalan raya di Ipoh dikenali antara yang terbaik apabila ia baru-baru ini mendapat pujian daripada Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew yang memuji infrastruktur asas yang dibangunkan dengan baik ketika mengadakan lawatan sehari ke bandaraya Ipoh pada 12 Jun.

RM2.4 million to be spent on road upgrading exercise

BESIDES giving the city a metropolitan look, physical infrastructure plays a vital role pertaining to the quality of life for city dwellers.

Having a fully developed physical infrastructure is also a pre-requisite for sound economic growth and development, reflecting a bustling growing city.

Realising this, MBI, being the local authority responsible in planning the development of local infrastructure for Ipoh, wants to ensure roads in the city are

continuously upgraded coupled with the implementation of projects for new roads.

In fulfilling this obligation, MBI recently announced that it would be spending RM2.4 million this year alone on road widening and resurfacing projects.


This was made possible after the council managed to secure a RM72 million allocation from the Malaysian Road Reserve Index System (MARRIS) under the Ministry of Finance to carry out these projects.

"We are spending RM2.4 million this year and the remaining will be used next year," said Datuk Bandar Y. Bhg Dato Roshidi Hashim.

For this year, MBI has approved projects to widen and resurface roads in 11 areas within the city including the city centre, Pasir Pinji, Taman Merdeka and Menglembu.

"People want to see improvements in the condition of roads in the city. Hence, I must go all-out and ensure MBI meet their expectations," he said.

The condition of roads in Ipoh is said to among the best in the country and recently even earned credit from Singapore's Minister Mentor Lee Kuan Yew who praised the well developed infrastructure during his one-day visit to the city on June 12.



Kakitangan awam di Perak bakal menikmati gaji minima

KAKITANGAN AWAM Kerajaan Negeri termasuk warga MBI bakal menikmati satu lagi faedah berikutan cadangan untuk memperkenalkan gaji minima tidak lama lagi.

Cadangan gaji minima ini telah diumumkan oleh Menteri Besar, YAB Dato' Seri Dr. Zambry Abdul Kadir semasa berucap di Perhimpunan Bulanan Anggota dan Executive Talk Majlis Bandaraya Ipoh di Stadium Indera Mulia Ipoh pada 8 Jun lalu.

Kata beliau, pelaksanaan gaji minima bertujuan mengekang masalah kewangan yang dihadapi oleh sebilangan besar kakitangan awam di negeri ini berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Kajian semula gaji minima ini juga adalah sebagai galakan kepada para kakitangan awam di Perak untuk terus komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat jelata," katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Datuk Bandar Ipoh, Dato' Roshidi Hashim, Setiausaha Bandaraya, Dato' Abd. Rahim Md. Ariff dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan Awam dan Hal Ehwal Bukan Islam, Dato' Dr. Mah Hang Soon.

Katanya, MBI merupakan antara badan kerajaan tempatan yang terkenal di negara ini kerana kecekapan urus tadbir pentadbirannya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.



YAB Dato' Seri Dr. Zambry beramah mesra dengan kakitangan MBI.



Berikan perkhidmatan berkualiti - Datuk Bandar

WARGA MBI dinasihatkan menekankan aspek kualiti apabila memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim berkata aspek kualiti penting bagi imej dan memastikan MBI sentiasa dihormati warga kota.

"Apabila kita dihormati, maka mudahlah kita mendapat kerjasama daripada warga kota seterusnya memudahkan urusan pembangunan yang dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Perhimpunan Bulanan Anggota dan "Executive Talk" Majlis Bandaraya Ipoh Bersama YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Zambry Abdul Kadir di Stadium Indera Mulia Ipoh pada 8 Jun lalu.

Katanya, jika dilihat trend bantahan warga kota, rata-rata mereka tidak berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan di kawasan perumahan mereka.

Misalnya kata beliau, rumput tidak dipotong dengan baik, sampah tidak diangkut mengikut jadual, tiada kemudahan lampu jalan dan sebagainya.

"Oleh itu, kita mempunyai peranan menentukan semua perkhidmatan tersebut memuaskan hati warga kota," tegasnya.

Sehubungan dengan itu, Dato' Roshidi berkata, MBI telahpun menggariskan beberapa perkara iaitu melaksanakan Pelan Strategik Majlis, KPI (Petunjuk Prestasi Utama dan menyusun semula Piagam Pelanggan Majlis selain memastikan *Star Rating* MBI dapat dipertingkatkan.

Truly a hands-on mayor

JULY 1st marks Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim's first anniversary as Ipoh mayor.

His appointment had initially drew criticisms especially from the Ipoh Ratepayers and Taxpayers Association (IRATA) who wanted a non-bureaucrat to be appointed as mayor.

Taking everything in his stride, he proved his critics wrong by always going to the ground serving the people, meeting citizens groups and other non-governmental organisations while gathering input on how to further enhance the city's image.

Armed with numerous feedbacks, both negative and positive, he managed to form a mental picture of what he has to do as mayor.

"There are so many complaints and that gives you an idea what the people want you to do. Hence, you must go down to the ground," he said.

He also practices the principle of talking to everyone regardless of status from ordinary residents to community leaders and hears as many views as possible to help him get the job done satisfactorily.

"Through these community leaders with whom I have frequent dialogues during my turun Padang activities, I disseminate my ideas and views to the public. At the same time, they will relate to me their grouses. It's a two-way traffic."

"As a mayor whose job is to serve the people, my duty is to meet anyone with a problem," he said.

He also doesn't believe in shutting himself in the office because he might lose touch with the happenings on the ground and affect his job.

Y. Bhg. Roshidi's approach is truly hands-on.

He frequently visits the wet markets around the city where he engages the hawkers to hear their views and complaints.



The landscape of Ipoh has also taken a turn for the better with Y. Bhg Roshidi at the helm with lawns at public parks being neatly trimmed, cleanliness improved and clogged drains being a thing of the past.

This is in line with his clean, green and developed vision.



"I want a developed city complete with all the infrastructure in place but not at the expense of the environment," he stressed.

In turning Ipoh into a greener city, Y. Bhg Dato' Roshidi said the council would be planting 30,000 trees with 19,000 shrubs and 11,000 larger plants by year end.

The more trees planted, the easier for one to breathe as these trees produce oxygen, said the mayor.

Throughout his one-year administration, Y.Bhg. Roshidi has shown that he is a mayor who doesn't compromise on cleanliness.

He is working hard to get the people change their attitude on the importance of keeping the surroundings clean by imposing a maximum RM500 compound on the spot to those caught littering.

He is also adamant in getting rid of the estimated 4,000 illegal dumpsites in the city and urges residents to take pictures of litterbugs dumping rubbish along the roads.

This will help tackle the problem of new dumpsites surfacing as soon council workers cleared the old ones.

In bringing about positive changes and development, Y. Bhg Roshidi has been seen pushing hard to turn the under utilised Sultan Azlan Shah airport in Ipoh into an international stop, especially for Indonesian and Chinese tourists.

Recently, he has held talks with a North Sumatra-based airline company to provide twice-weekly flights from Ipoh to Medan.

In his capacity as mayor, Y. Bhg Dato' has also brought in investments when he managed to persuade the famous nasi Padang chain Restaurant Simpang Tiga in Medan to set up their first branch abroad in Ipoh.

Asked what was his greatest achievement in the past one year, he humbly said he has nothing grand to talk about, adding that all his achievements were "petty" ones.

"Words of gratitude and smiles from the people are enough for me," he said.

24 Ahli Majlis MBI angkat sumpah

UPACARA angkat sumpah 24 Ahli Majlis MBI bagi tahun 2009 yang berlangsung pada 14 Mei lalu menyaksikan gabungan muka baru dan lama mewakili pertubuhan politik, bukan pertubuhan kerajaan (NGO) dan jabatan kerajaan.

Majlis diketuai Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Haji Roshidi Hashim di Dewan Mesyuarat MBI disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan Awam dan Hal Ehwal Bukan Islam, Datuk Dr. Mah Hang Soon.

Dalam ucapannya, Dato' Roshidi berkata gabungan muka baru dan lama dalam barisan Ahli Majlis dapat memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Beliau berharap Ahli Majlis dapat menabur khidmat bakti kepada warga kota dengan berkongsi idea dan pengalaman yang dimiliki.



Sebahagian 24 Ahli Majlis MBI berdiri mengangkat sumpah.



Datuk Bandar beramah mesra dengan Ahli Majlis MBI yang baru.

"Peranan Ahli Majlis cukup besar dan saya berharap pelaksanaan Jawatankuasa Perhubungan Kawasan (JPK) pada tahun ini dapat diteruskan serta lebih berjaya berbanding tahun-tahun sebelumnya," katanya.

Datuk Bandar juga berkata selaku Pengerusi JPK, Ahli Majlis adalah mata dan telinga masyarakat setempat serta membawa segala maklum balas terhadap perkhidmatan MBI di zon masing-masing.

JPK juga merupakan perantaraan MBI dengan orang awam khususnya dan menyalurkan maklumat serta penerangan berhubung isu-isu berbangkit," katanya.

Ahli Majlis azam bantu MBI capai kecemerlangan

BEBERAPA orang Ahli Majlis yang baru dilantik berazam menggunakan pengalaman masing-masing bagi membantu MBI capai kecemerlangan.

Pengerusi REHDA Perak, Dato' Francis Lee Yew Hean berkata pengalaman luas dalam bidang hartanah dapat membantu beliau menjalankan tugas sebagai Ahli Majlis yang efektif.

"MBI amat memerlukan tenaga professional yang berpengalaman bagi memacu pentadbirannya agar warga Ipoh dapat menikmati sepenuhnya setiap perancangan pembangunan yang dilaksanakan," katanya.

Sabramani Appdurai yang juga Pengerusi Majlis Kelab Bell Belia Tamil Perak berkata beliau akan memastikan setiap program dan perancangan yang dilaksanakan MBI benar-benar dapat dinikmati oleh belia kaum India.

"Apa jua maklumat dan program akan saya salurkan kepada mereka. Begitu juga yang membabitkan permasalahan



A. Sabramani



Sharifudin



Dato' Francis Lee

penduduk untuk dibawa kepada perhatian jabatan yang bertanggungjawab," katanya.

Sharifudin Mohd Aminnuddin, yang juga Bendahari Persatuan Peniaga Kecil Melayu Perak turut berazam membantu MBI dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi para peniaga kecil Melayu di sekitar bandaraya ini.

"Saya mahu membantu MBI tangani pelbagai isu berbangkit khususnya yang membabitkan peniaga-peniaga kecil Melayu," katanya.

AHLI MAJLIS BARU 2009

ZON 1
(GHANTAN/
CHEMOR/
KLEBANG)



Chh. En. Chang
Wei Meng
(MCA)

ZON 2
(KUALA KUANG/
CHEPOR/
MERU)



Chh. En. Shafiqul Hamid
Mydin Shah
(MIC)

ZON 3
(TAWAS/
TASEK/
IPOH GROVE)



Y.Bhg. Chh. Dato' Francis
Lee Yew Hean,
(NGO)

ZON 4
(KINDING/
TG. RAMBUTAN/
PUTRA)



Chh. En. N.Vijay
Chandran
(PPP)

ZON 5
(BERCHAM/
TASEK
DERMAWAN)



Chh. En. Lim Huey Shan
(MCA)

ZON 6
(JELAPANG/
TAMAN PERTAMA/
RISHAH)



Chh. En. Sharifuddin b.
Mohd Aminuddin
(NGO)

ZON 7
(GUGUSAN
MANJOI)



Chh. Tn. Haji Zamri
b. Harun
(UMNO)

ZON 8
(TEMBOK/
TAMAN CHERRY/
TAMAN LIM)



Y.Bhg. Chh. Datin' Daniel
Tay Kwan Hui
(PPP)

ZON 9
(KEPAYANG/
FAIR PARK/
BANDAR IPOH RAYA)



Y.Bhg. Chh. Dato' Shamsuddin
b. Hj. Abdull Ghaffar
(UMNO)

ZON 10
(KG. SIMEE/
TAMAN IPOH/
TAMAN CANNING)



Chh. En. Tan
Liang Keat
(GERAKAN)

ZON 11
(PERPADUAN/
ULU KINTA/
TAMBUN)



Chh. En. Nasir b.
Hj. Ismail
(UMNO)

ZON 12
(BUNTONG/
SILIBIN)



Chh. En. Sabramani
a/l Appadurai
(NGO)

ZON 13
(GREENTOWN/
PEKAN LAMA/
MEDAN KUDA)



Chh. H. Lal Kang
Prasa
(NGO)

ZON 14
(GUNUNG RAPAT/
RAPAT SETIA/
TAMAN SOON CHOON)



Chh. En. Koh Pak Foo
(MCA)

ZON 15
(SG. ROKAM/
IPOH JAYA/
AMPANG)



Chh. Majar (B) Hj. Roslan
b. Zakaria
(UMNO)

ZON 16
(PEKAN BARU/
TEBING TINGGI/
PASIR PINJI)



Chh. En. Loh
Kam Meng
(MCA)

ZON 17
(MENGLEMBU/
FALIM)



Chh. Dr. Lee
Mun Toong
(NGO)

ZON 18
(PASIR PUTEH/
SERI KINTA/
KUALA PARI)



Y.Bhg. Chh. Dato' Hj. Mohd
Raduan b. Mohd. Kasim
(UMNO)

ZON 19
(KG. SG. RAPAT/
PENGKALAN PEDOH/
PENGKALAN GATE)



Chh. En. Hamzah b.
Mohd. Kasim
(UMNO)

ZON 20
(GEMPAK/
TAMAN GOLF/
LUMBA KUDA)



Chh. En. Peter Choong
Shean Yang
(GERAKAN)

ZON 21
(LAHAT/
BUKIT MERAH)



Chh. En. Phoon Yoon
Choy
(MCA)

ZON 22
(SENGAT/
RAPAT JAYA/
CHANGKAT LARANG)



Chh. En. Zulkifli b.
Ab. Hamid
(UMNO)

Turun padang agenda Datuk Bandar

BAGI Datuk Bandar Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim turun padang adalah antara agenda utama beliau dalam usaha mengetahui masalah sebenar warga kota di kawasan-kawasan perumahan dan perkampungan yang ada di sekitar bandar raya.

Pendekatan turun padang yang dipraktikkan beliau juga adalah satu tinjauan mesra bagi membolehkan MBI mendekati warga kota selain mewujudkan ruang kepada penduduk meluahkan rintihan terhadap masalah berkaitan perkhidmatan perbandaran yang mereka hadapi seharian.

Maka tidak hairanlah, program turun padang Datuk Bandar sentiasa mendapat sambutan dan respon mengalakkan daripada penduduk setempat di setiap lokasi yang beliau lawati.

Kebiasaannya, setiap program turun padang beliau diiringi pegawai-pegawai daripada setiap jabatan dan ini telah membolehkan banyak masalah-masalah warga kota dapat diselesaikan secara spontan.

Bagi masalah yang memerlukan masa dan tindakan susulan, Datuk Bandar kebiasaannya akan memperkenalkan penduduk kepada pegawai yang bertanggungjawab mengendalikan masalah mereka selain memberikan nombor talian mudah alih pegawai terbabit bagi memudahkan penduduk berhubung terus untuk mendapatkan perkembangan masalah mereka.

Program turun padang beliau dimulakan dengan berdialog sekurang-kurangnya selama dua jam bersama penduduk sebelum membuat tinjauan permasalahan utama yang dibangkitkan masyarakat setempat.

Pemimpin masyarakat setempat juga kebiasaannya turut menyertai program turun padang Datuk Bandar.

Diantara April dan Jun, Datuk Bandar telah melawat tiga kawasan iaitu Sungai Rapat, Gunung Rapat, Kampung Sungai Tapah, Gugusan Manjoi dan Kampung Sengat Simpang Pulau.

Berikut adalah antara masalah utama yang dibangkitkan oleh penduduk di ketiga-tiga kawasan tersebut.

1) Lawatan ke Taman Maju Rapat



Datuk Bandar melihat notis saman yang dikeluarkan oleh pegawai penguatkuasa MBI.

Kunjungan Datuk Bandar ke Taman Maju Rapat pada 11 Jun dikejutkan dengan timbunan dan longgokan sampah di lorong belakang sekitar taman perumahan tersebut.

Timbunan sampah di lorong berkenaan adalah sisa bahan binaan, besi buruk dan barang terpakai.



Y.Bhg. Dato' Roshidi melihat longgokan sampah haram semasa meninjau lorong belakang kediaman di Taman Maju Rapat.

Sedih dengan tindakan tidak bertanggungjawab itu, Datuk Bandar memohon kerjasama masyarakat membantu MBI menyelesaikan longgokan sampah haram seperti itu.

"Kejadian seperti ini dapat dibendung jika ada penduduk yang mengambil inisiatif merakam gambar mereka yang terlibat membuang sampah di tempat tidak sepatutnya.

"Rakaman gambar itu boleh digunakan sebagai bahan bukti untuk mengenalpasti pihak yang tidak bertanggungjawab dan dikenakan tindakan saman," katanya.

Selain daripada itu, sampul surat dan surat-surat yang dijumpai dalam longgokan sampah itu boleh juga digunakan untuk mengenalpasti mereka.

2) Lawatan ke Kampung Sungai Tapah



Dato' Roshidi meninjau kawasan Stadium Mini Manjoi.

Stadium Mini Manjoi yang dikategorikan sebagai projek gajah putih adalah isu utama yang dibangkitkan penduduk semasa lawatan Datuk Bandar ke kawasan terbabit pada 17 Jun.

Bagi menyelesaikan masalah ini, MBI membuat keputusan membina dua gelanggang futsal dengan peruntukan kira-kira RM300,000 di tapak padang bola terbabit bagi 'menghidupkan' semula Stadium Mini Manjoi seluas 0.81 hektar itu.

Stadium Mini Manjoi di sini yang telah siap kira-kira tiga tahun lalu tidak dapat digunakan gara-gara saiznya tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).



Datuk Bandar mendengar penerangan ADUN Manjoi, YB Dato' Nadzri.

Berikutan masalah itu, stadium mini ini tidak boleh digunakan kerana perlawanan bola sepak formal dan kompetitif tidak dibenarkan diadakan di situ.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manjoi, Datuk Nadzri Ismail turut meluangkan masa turun padang bersama Datuk Bandar.

3) Lawatan ke Kampung Sengat, Simpang Pulai

Masalah tanah-tanah lot kediaman terbiar yang gagal dibersihkan sehingga ditumbuhi lalang menjadi perhatian Datuk Bandar semasa berkunjung ke Kampung Sengat, Simpang Pulai.

Agak kecewa dengan sikap tidak bertanggungjawab pemilik tanah, MBI telah mengeluarkan amaran keras kepada 170 pemilik tanah lot di Kampung Tersusun Sengat.

Bagi membuktikan kesungguhan beliau mengatasi masalah ini, Datuk Bandar akan membuat cadangan dalam masa terdekat

ini supaya tanah-tanah lot yang terbiar sekian lama dan ditumbuhi pokok-pokok liar diambil semula oleh kerajaan negeri.

"MBI sudah lama berlembut dengan pemilik-pemilik tanah ini tapi kali ini kita tidak akan berkompromi lagi kerana ia banyak mendatangkan `kacau ganggu` terutamanya ancaman binatang berbisa seperti ular kepada penduduk berdekatan," katanya.

Selain itu, katanya, pihak MBI juga sedang membuat cadangan bagi menaikkan denda kompaun kepada mana-mana pemilik tanah lot di sekitar bandaraya bagi kesalahan yang sama dari RM250 kepada RM1,000.

Pada siri lawatan itu, Datuk Bandar mengarahkan semua pegawai MBI mengambil tindakan drastik bagi menyelesaikan segera 13 masalah yang ditimbulkan para penduduk kampung antaranya bekalan lampu ditapak letak kereta masjid, lampu jalan awam dan membersihkan sistem perparitan.

Beliau juga turut mengumumkan kelulusan pembinaan 200 bonggol jalan di kawasan kampung selain RM200,000 untuk menurap semula jalan di kampung yang telah lama rosak bagi keselesaan penduduk.



Lot tanah terbiar di Kampung Sengat, Simpang Pulai yang ditumbuhi pokok liar.

Jadual turun padang Datuk Bandar / Setiausaha Bandaraya (Jam 9 pagi)

8 Julai – Zon 11 (Perpaduan/Ulu Kinta/Tambun) – Permai Lake View Apartment – Datuk Bandar

15 Julai – Zon 17 (Menglembu/Falim) – Dewan Orang Ramai Menglembu – Datuk Bandar/Setiausaha Bandaraya

22 Julai – Zon 22 (Sengat/Rapat Jaya/ Changkat Larang) – Dewan Orang Ramai Kg. Baru Simpang Pulai – Datuk Bandar Ipoh

29 Julai – Zon 18 (Pasir Putih/Sri Kinta/Kuala Pari) - Dewan Orang Ramai Kpg Sri Kinta – Datuk Bandar

5 Ogos – Zon 12 (Buntong/Silibin) – Dewan Orang Ramai Teluk Kurin, Buntong – Datuk Bandar

12 Ogos – Zon 21 –(Lahat/Bukit Merah) – Dewan Orang Ramai Bukit Merah – Datuk Bandar/Setiausaha Bandaraya

19 Ogos – Zon 16 – (Pekan Baru/Tebing Tinggi/Pasir Pinji) – Dewan Orang Ramai Pasir Pinji – Datuk Bandar/Setiausaha Bandaraya

26 Ogos – Zon 9 (Kepayang/Fair Park/Bandar Ipoh Jaya) – Dewan Orang Ramai Kg. Kepayang – Datuk Bandar/Setiausaha Bandaraya

2 Sept – Zon 6 (Jelapang/Taman Pertama/Rishah) – Dewan Orang Ramai Jelapang – Datuk Bandar/Setiausaha Bandaraya

DARJAH DATO' PADUKA MAHKOTA PERAK (D.P.M.P)

**DARJAH AHLI CURA
SI MANJA KINI (A.C.M)**

**DARJAH AHLI MAHKOTA
PERAK (A.M.P)**



Y.Bhg. Dato' Haji Roshidi Bin Haji Hashim, DPMP, AMP, PPT, PJK, Datuk Bandar Ipoh



Tuan Haji Ahmad Kamil b. Yang Ghazali, AGM, Juruaudit Bandaraya



En. Johari b. Din, AMP, Ketua Penguasa Kesihatan

PINGAT PEKERTI TERPILIH (P.P.T)



En. Zuhri b. Jaafar Gidek, PPT, Pegawai Tadbir



En. Meer Abdulah Zaidi b. Meer Razali, PPT, Ahliak Landata



Pn. Rohayah bt. Abdul Hadi, PPT, Pegawai Penilaian



En. Ahmad Zaryadi b. Gudin, PPT, Pegawai Penguatkuasa



En. Ahmad Fahrudin M. Jan, PPT, Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran



En. Jaafar b. Abdullah, PPT, Pen. Tadbir (P/D)



Pn. M. Naman at Maran, PPT, Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran



En. Hamdan b. Ali, PPT, Pen. Tadbir Awam



En. Mohd. Haziq Shah b. SM Ibrahim, PPT, Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran



Pn. Yusma bt. Yusoff, PPT, Pen. Peg. Teknologi Maklumat



Pn. Nailfa bt. Mustapha, PPT



Pn. Susana M. Shahrudin, PPT



En. Kamarulzaman b. Abdillah, PPT



Tn. H. Ahmad Kamal b. Zaidul Akbar, PPT



Tn. H. Abdul Razak b. M. Yusoff, PPT



Katanya, MBI juga bercadang menaik taraf kesemua 69 buah kolam tadahan air di sekitar bandaraya ini.

“Kesemua kolam ini dulu adalah bekas lombong tetapi kini digunakan sebagai kawasan tadahan air bagi mengelakkan banjir,” katanya.

Di hari sama, Dato’ Rahim juga telah mengambil kesempatan meninjau aduan penduduk Taman Seri Sayang berdekatan mengenai padang permainan terbiar dan permintaan untuk mendirikan surau.

Beliau yang diiringi Ketua Masyarakat Taman Seri Sayang, Shuib Nordin serta pegawai-pegawai MBI berkata, pihaknya akan menimbang permintaan

Kolam tadahan air Pasir Puteh bakal berubah wajah

KOLAM TADAHAN AIR di kawasan Pasir Puteh bakal berubah wajah apabila MBI mewujudkan taman rekreasi di kawasan itu tidak lama lagi.

Setiausaha MBI, Dato’ Abdul Rahim Md. Ariff berkata, langkah tersebut diambil bagi mengelakkan kawasan berkenaan terbiar dan boleh menimbulkan masalah termasuk ancaman haiwan berbisa seperti ular kerana kolam itu terletak berhampiran kawasan perumahan.

“MBI memerlukan peruntukan sebanyak RM100,000 untuk membina beberapa kemudahan asas seperti trek pejalan kaki dan lain-lain bagi kegunaan lebih 400 orang penduduk di beberapa kawasan perumahan di situ,” katanya selepas meninjau kerja-kerja pembersihan di bekas lombong terbiar itu pada 24 April lalu.

Sebagai permulaan katanya, MBI akan membersihkan pokok-pokok keladi bunting yang membiak di dalam kolam takungan air berkeluasan antara 1.6 hingga 2 hektar tersebut yang mana dijangka mengambil masa sebulan.

Apabila siap kelak, kawasan rekreasi itu akan dimanfaatkan oleh keluarga yang tinggal di sekitar Kampung Pasir Putih termasuk rumah pangsa Seri Connoly.

Menurutnya, setakat ini beberapa kawasan kolam tadahan air telah dijadikan taman rekreasi seperti di Ulu Chepor dan Kampung Manjoi.

penduduk tetapi perlu menyemak terlebih dahulu status tanah terabit.

Shuib berkata, lebih 300 penduduk yang menetap ditaman berkenaan amat memerlukan sebuah surau untuk menjalankan aktiviti keagamaan selain menggantikan peralatan lama permainan kanak-kanak dipadang terabit bagi keselesaan kanak-kanak.

“Kita juga meminta pihak majlis membersihkan kawasan belukar berhampiran padang kanak-kanak kerana ia dipercayai menjadi kawasan penagih dadah yang boleh mengancam keselamatan penduduk,” katanya.

Sementara itu, Ketua Masyarakat Rumah Pangsa Seri Connoly, Megat Abdullah Megat Yusof, 46, memuji kesediaan Setiausaha Bandaraya untuk turun padang.

Katanya selain mengeratkan lagi silatruktahim di antara pegawai kanan MBI dengan pemimpin masyarakat setempat, usaha seperti itu dapat menyelesaikan banyak permasalahan rakyat.





Sekitar sambutan Hari Bandaraya ke-21

Bagi meraikan sambutan Hari Bandar Raya ke-21, satu majlis bacaan yaasin telah diadakan di masjid An-Nur, Batu 8, Ulu Kinta pada 21 Mei lalu. Warga kota khususnya yang tinggal di sekitar Batu 8 dan Ulu Kinta hadir untuk memeriahkan majlis bersama-sama warga MBI. Majlis diserikan lagi dengan ceramah agama oleh Ustaz Roslan Che Ros dari Pejabat Agama Daerah, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang.

Pameran hartanah



Satu pameran hartanah telah diadakan di Stadium Indera Mulia dari 22 hingga 24 Mei lalu yang dirasmikan oleh Menteri Besar YAB Dato' Seri Dr Zambry Abdul Kadir. Turut hadir Datuk Bandar, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim.

Terdapat 30 ruang pameran dengan lebih daripada 1,000 unit rumah dan lot kedai pada harga berpatutan ditawarkan untuk jualan kepada orang ramai.



MBI juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dengan membuat pameran pendidikan tentang nyamuk Aedes dan penyakit demam denggi, anti-liter serta kaunter aduan awam.

Pameran dan pertandingan orkid

Seperti kebiasaan, sambutan Hari Bandar Raya tidak lengkap tanpa pameran dan pertandingan orkid. Acara tersebut telah diadakan selama enam hari bermula 28 Mei di Stadium Indera Mulia. Ianya telah menarik begitu ramai pengunjung terutama pencinta orkid.



Ipoh Star Walk



Hampir 10,000 warga kota berbilang bangsa menyertai Larian Ipoh Star Walk pada 21 Jun. Larian tersebut yang dianjurkan bersama oleh Majlis Bandaraya Ipoh dan The Star Publications (M) Bhd telah dirasmikan pelepasannya oleh Datuk Bandar, Y.Bhg Dato' Haji Roshidi Hashim di Stadium Indera Mulia.





Cenotaph Remembrance kenang jasa perajurit

“CENOTAPH REMEMBRANCE” adalah antara acara tahunan yang dilakukan bagi memperingati perajurit yang gugur ketika bertempur pada peperangan lebih 70 tahun lalu di sekitar tahun 1930-an hingga 1945.

Cenotaph bermaksud binaan tugu. Ianya terletak di hadapan bangunan stesen keretapi adalah tanda bagi rakyat di negara ini agar sentiasa mengingati perjuangan perajurit berkenaan.

Majlis tersebut yang diadakan pada 19 Jun, dihadiri oleh Dato’ R. Thambipillay selaku pengerusi penganjur bersama Ketua Polis Perak, Datuk Zulkifli Abdullah, Brigadier Jeneral 2 Infantri, Datuk Zulkfli Mansor, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Ipoh (MBI),



Datuk Francis Lee, bekas Ketua Polis Perak, Datuk Seri Yuen Yuet Leng, Pegawai Pemerintah Tentera Udara Diraja Malaysia Perak, Kolonel Ahmad Tarmizi serta beberapa pegawai kedutaan dari Australia, British, India serta Nepal.

Sepetang bersama chef Ismail dan Florence Tan



AHLI PUSPANITA MBI berpeluang mengikuti kelas masakan Florence Tan semasa program sehari bersama chef terkenal itu di Hotel Impiana Casuarina pada 13 Jun lalu.

Mereka yang mengikuti program yang berlansung dari pagi hingga petang itu berpeluang belajar resipi-resipi baru ciptaan Florence selain demonstrasi membuat biskut raya.

Majlis diserikan lagi dengan peragaan fesyen busana muslimah dan juga pemakaian fesyen bertudung khususnya bagi wanita moden.

Seramai 500 orang menyertai program tersebut anjuran Puspanita Perak bersama Utusan Karya Sdn Bhd dan Nestle Conflakes.

Setiasaha Persatuan Wanita MBI, Azlin Alang Ismail berkata, meskipun program itu diadakan sehari namun ia banyak memberi faedah kepada para peserta terutama dalam menimba ilmu cara membuat biskut raya dan peragaan fesyen bertudung.



Memperingati keberanian tentera Sikh

KEBERANIAN tentera sikh dalam sejarah ketenteraan tidak harus dilupakan kerana perjuangan dan pengorbanan mereka di era perang dunia telah membawa keamanan dunia hari ini.

Ahli Majlis MBI, Vijay Chandran berkata, di sepanjang perjuangan tentera sikh, lebih daripada 83,000 tentera Sikh telah terbunuh manakala lebih 109,000 tentera Sikh tercedera semasa perang dunia.

Vijay mewakili Datuk Bandar Ipoh, Dato’ Roshidi Hashim merasmikan Pameran Fotografi “Keberanian Tentera Sikh Dalam Sejarah Ketenteraan” di Perpustakaan Tun Razak Ipoh pada 12 Jun lalu.

Hadir sama pada majlis itu, Pengerusi Penganjur Pameran, Harchand Singh Bedi dan Penasihat Pertahanan Pesuruhjaya Tinggi Australia, Kol. Stephan Tullay.

Katanya, pameran fotografi itu diharap dapat memberi manfaat kepada generasi muda agar mereka menghormati segala pengorbanan yang telah diberikan oleh tentera Sikh.

Sumptuous Medan delicacies in Ipoh soon

FOOD connoisseurs here in Ipoh will be delighted to know that authentic gourmet fare from Medan will soon be available here with the opening of the famous Simpang Tiga Restaurant.

Datuk Bandar Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim said the restaurant which is known for its nasi padang in Medan, the capital of Sumatera, would be the first to be set up abroad.

"The Ipoh City Council is really excited about Simpang Tiga Restaurant making its way here," he said.

The restaurant chain, he added, has five outlets in Medan.

Noting that nasi padang was already popular in Kuala Lumpur, Roshidi said he believed its availability in Ipoh could attract tourists looking for a wide array of good food.

The mayor had dined at one of Simpang Tiga's restaurants in Medan while promoting a sporting event there last year.

"Together with the team that followed me, we were treated to very good nasi padang at the restaurant which boasts a menu quite different from those found at other restaurants in Medan," he said.

Simpang Tiga Restaurant offers a modern menu which combines seafood and Chinese-style cooking, and this prompted him to suggest to its owner to open an outlet in Ipoh, he said.

Meanwhile, the restaurant's proprietor Mr Lim or better known as Pak Salim said that Ipoh was chosen as he anticipated good response from food lovers in the city.

The 64-year old businessman has been operating the Simpang Tiga chain for eight years and currently owns five restaurants.

Before opening his first restaurant at Perbaungan, some 40km from Medan in North Sumatera in 2001, Pak Salim was from the agricultural business sector.

The name given to his food chain came from the traditional name of Perbaungan which was earlier known as Kota Simpang Tiga.

"I decided to open the restaurant after the Patin breeding business I was in did not work out well due to a glut in the fish.

"So, when I first opened the restaurant, the main item served was Patin Masak Pindang and this attracted many customers to eat at the restaurant," he said.

Following the unexpected popularity of his first restaurant, he opened up three other outlets in Medan in 2003 and one more in Jakarta.

Pak Salim and Irwan (seated left) signed a MoU agreement on Restoran Simpang Tiga (M) witnessed by Datuk Bandar Y.Bhg. Dato' Roshidi and Walikota Medan Affifudin Lubis (right) during a ceremony held at Restoran Simpang Tiga in Medan on May 1.



Pak Salim (right) and his son Dennis Boy preparing dishes for customers at their restaurant in Medan.



The famous Restoran Simpang Tiga in Medan.



Dato' Bandar and Dennis Boy chatting with orphans invited by Pak Salim to sumptuous dinner in conjunction with the MoU signing of Restoran Simpang Tiga (M).



A Restoran Simpang Tiga staff in Medan busy preparing pack meals for take-away.

It has since become a family business with his wife and children being involved in its day-to-day running.

Meanwhile, his business partner Irwan Aswadi said renovations are underway at the new premises that will house the restaurant in Ipoh, expected to be opened on July 29.

"We will add some local flavour to the menu to suit diners there but all the items available in Medan will also be present. Customers will have about 25 dishes to choose from," he said adding that they hoped to open other outlets in Kuala Lumpur and Kedah in the future.

The restaurant's signature beverages like Avocado and pelangi (a mixture of papaya, avocado, orange and watermelon juice) will also be made available.

Irwan assured customers that dishes at the restaurant would be reasonably priced.

The Simpang Tiga Restaurant in Ipoh will be located at the Greentown Business Square with a seating capacity for 300 patrons at any one time.



The Restoran Simpang Tiga (M) at Greentown Square.

Penduduk Taman Ipoh warga kota contoh

PENDUDUK Taman Ipoh atau lebih dikenali dengan Ipoh Garden adalah contoh terbaik masyarakat warga kota yang cintakan keindahan dan kehijauan alam sekitar serta kebersihan persekitaran.

Tidak meletakkan tanggungjawab pengindahan dan kebersihan di atas bahu MBI semata-mata, lebih 400 penduduk bersepakat mengindahkan taman perumahan mereka atas inisiatif sendiri.

Dengan kerjasama syarikat landskap Total Investment Sdn. Bhd., penduduk berjaya mewujudkan sebuah taman yang begitu cantik lengkap dengan pelbagai sepsis pokok teduhan dan bunga-bunga pelbagai warna yang semestinya menarik perhatian awam.

Yang paling menarik, taman ini telah wujud 10 tahun yang lalu dan selama itu jugalah penduduk tidak pernah kenal erti putus asa memelihara landskap dan keindahan taman.

Selain pokok hiasan, taman ini disulami dengan pokok pandan dan limau bali yang bukan sahaja berfungsi memberi teduhan tetapi menghasilkan buah yang boleh dikongsi bersama oleh penduduk.

Laluan berjogging juga ada dibina bagi kemudahan penduduk beriadah.

Orang awam yang sering menggunakan laluan Taman Ipoh sememangnya tidak akan terlepas pandang akan keindahan taman ini dan kebiasaannya memuji inisiatif penduduk di sini.

Beberapa penduduk yang ditemui memberitahu mereka sentiasa memelihara taman berkenaan dengan baik seperti taman mereka sendiri dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan, merumput dan menanam pokok pelbagai sepsis pokok untuk mengindahkan lagi taman tersebut.

Pegawai pemasaran syarikat minyak Shell yang berpangkalan di Aberdeen, England, Lu Woon Chan berkata, meskipun bekerja di luar negara, beliau tetap tidak mengabaikan tanggungjawabnya menjaga taman yang terletak berhampiran kawasan rumahnya itu setiap kali pulang bercuti bersama keluarganya di Ipoh.

"Ketika di Ipoh, kebiasaannya saya mengambil kesempatan beriadah dengan menyapu daun-daun kering sambil menikmati kehijauan taman dan menyedut udara bersih.

"Meskipun setiap penduduk sibuk dengan tugas masing-masing, namun kami tetap meluangkan masa memelihara dan menjaga taman ini dengan baik," katanya yang membeli rumah di situ 10 tahun lalu.

Menurut Woon Chan ramai yang mencemburi sikap permuafakatan penduduk di situ.

Seorang lagi penduduk, Ahmad Efendy Raffie berkata taman itu sering dimanfaatkan untuk beriadah bersama anggota keluarga terutama pada hujung minggu.

"Saya juga tidak melepaskan tanggungjawab saya dengan menanam beberapa jenis pokok hiasan dan pokok herba seperti pandan dan serai bagi kegunaan bersama," katanya.

Ipoh Garden's exemplary residents

IPOH Garden's residents are becoming the perfect example of city dwellers who love the beauty, greenery and cleanliness of their surroundings.



Ahmad Efendy Raffie



Woon Chan

Instead of depending on MBI to carry out beautification and cleanliness programmes, they have formed a 400-strong team of residents who take up the initiative themselves.

With cooperation from Total Investment Sdn. Bhd., a landscaping company, the residents have successfully created a garden that comes complete with various types of colourful flowers and shady trees that has attracted the interest of the general public.

Interestingly, this garden was set up 10 years ago with the residents having worked diligently to maintain the landscape and beauty of the garden by taking care of the plants there ever since.

Apart from decorative plants, the garden also boasts of pandanus leaves and pamelos trees that not only provide shade but also fruits that are shared among the residents.



Laluan berjogging dibina bagi kemudahan penduduk beriadah.

A jogging path has also been set up as an addition to the recreational facilities available for residents there.

Anyone who passes by the route along Ipoh Gardens cannot help but notice the beautiful garden that has earned much praise for the residents there.

A few residents when met said they took care of the garden as if it's their own by doing all the chores such as cleaning, weeding and planting various species of

trees to further beautify the place.

Lu Woon Chan, a marketing officer for Shell based in Aberdeen, England, said that despite being stationed abroad, he would help take care of the garden whenever back on vacation.

"When I am back in Ipoh, I will spend my time sweeping the leaves in the garden while enjoying the fresh air and greenery at the same time.

"Although everyone here is busy with his or her own chores, we still make time to care and maintain this garden," he said.

According to Lu, many city dwellers really envied the cooperation shown by the residents here.

Another resident Ahmad Efendy Raffie described the garden as an ideal place to relax with family members during weekends.

"I also play my part by planting various decorative plants as well as herbs and pandanus leaves for other residents to use," he said.



Warga MBI diingat beri perkhidmatan tanpa prejudis

WARGA MBI diingatkan akan pentingnya memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat tanpa dipengaruhi oleh perkembangan politik semasa, kata Datuk Bandar Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim.

Katanya warga MBI haruslah sedar bahawa MBI adalah sebuah penguasa tempatan yang menurut perintah kerajaan semasa dalam memastikan perkhidmatan yang berterusan kepada warga kota.

Menyingkap ketidaktentuan senario politik Perak sebelum ini, beliau berkata pengambilalihan kerajaan negeri oleh Barisan Nasional dari Pakatan Rakyat pada Februari lalu sehingga membawa kepada kes mahkamah tidak seharusnya menggugat perkhidmatan dan operasi MBI.

"Sebagai kakitangan kerajaan kita haruslah meneruskan perkhidmatan tanpa prejudis dan mengikut arahan kerajaan semasa. Saya berharap warga MBI memahami senario politik semasa dan terus berkhidmat tanpa mengira apa juga fahaman politik masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Perhimpunan Khas Anggota dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBI 2008 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya Raya Ipoh Ke-21 di Stadium Indera Mulia, Ipoh pada 27 Mei lalu.

Pada majlis itu, seramai 190 daripada 2,400 kakitangan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008 manakala dua orang kakitangan menerima Anugerah Khas Datuk Bandar.

Setiap penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang menerima wang tunai RM1,000, lawatan ke Terengganu, jam tangan bernilai RM200 dan sijil penghargaan.

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Hal Ehwal Komuniti Bandaraya mendapat tempat pertama bagi dasar penjimatan menerima wang tunai RM2,000.

Tempat kedua dimenangi oleh Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Penilaian dan tempat ketiga Pengarah Bangunan. Mereka masing-masing menerima wang tunai RM3,000 dan RM2,000.

Di majlis sama, Datuk Bandar mengumumkan bahawa MBI telah mendapat tiga bintang dalam rating "SSR PBT" dengan pencapaian markah 70.85 peratus.

Beliau turut mengumumkan bahawa MBI sedang berusaha mencapai matlamat Bandar Selamat dengan melaksanakan pengasingan laluan pejalan kaki, membersihkan, mengemaskan kawasan semak dan yang terlindung, pencahayaan taman dan cadangan pemasangan 64 buah kamera litar tertutup (CCTV).





Y.Bhg Dato' Roshidi bergambar bersama Mantan-mantan Datuk Bandar Ipoh.



Dato' Haji Talaat Hussain menerima cenderahati.

Jasamu Dikenang

SEJAK diiktiraf sebagai bandar raya, banyak perubahan yang telah dibawa oleh MBI sepanjang 21 tahun yang lalu bagi memastikan Ipoh berkembang pesat dan maju.

Dalam menjadikan Ipoh setanding dengan bandar raya besar lain negara ini, perubahan demi perubahan dilaksanakan MBI bagi memantapkan lagi pembangunan, infrastruktur mahupun dari segi kebersihan, landskap dan keindahan.

Sememangnya tidak dapat disangkal, tahap pencapaian bandar raya Ipoh kini adalah hasil visi dan misi setiap Datuk Bandar yang berkhidmat menabur bakti untuk memajukan Ipoh.

Sejak diisytihar bandar raya pada 27 Mei 1988, Ipoh telah diterajui oleh lapan Datuk Bandar yang masing-masing telah menyumbang ke arah pembangunan bandar raya ini.

Sebagai mengenang jasa mereka, MBI buat julung-julung kalinya meraikan mereka dalam satu jamuan malam pada 27 Mei sempena sambutan Hari Bandar Raya ke-21.

Mereka yang hadir ialah Datuk Bandar kedua, Dato' Ismail Shah Bodin, Datuk Bandar Keempat, Dato' Haji Talaat Haji Hussain, Datuk Bandar kelima, Dato' Sirajuddin Haji Salleh, Datuk Bandar keenam, Dato' Hasan Nawawi Abdul Rahman, Datuk Bandar ketujuh, Dato' Mohamad Rafiai Haji Moktar.

Atas sebab yang tidak dapat dielakkan, Datuk Bandar Ipoh pertama, Dato' Haji Umar Haji Abu dan Datuk Bandar ketiga, Dato' Haji Ahmad Saleh Haji Sarif tidak dapat bersama pada jamuan itu.



Isteri-isteri mantan-mantan Datuk Bandar Ipoh yang turut hadir pada jamuan itu.



Dato' Ismail Shah Bodin menerima cenderahati berupa potret.



Dato' Hasan Nawawi turut menerima cenderahati.

Detik-detik jasa dan sumbangan kelapan-lapan orang Datuk Bandar itu turut ditayangkan pada majlis jamuan khas itu.

Dalam ucapannya, Y.Bhg. Dato, Haji Roshidi Haji Hashim juga Datuk Bandar ke lapan berkata walaupun setiap Datuk Bandar mempunyai visi yang berlainan, matlamat mereka hanyalah satu iaitu membangunkan Ipoh menjadi bandar raya cemerlang.

Bagi dirinya visi beliau adalah menjadikan Bandar Raya Ipoh sebuah bandar hijau, bersih dan membangun.

"Dengan adanya sokongan kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan ia akan memantapkan lagi harapan saya untuk melihat Bandar Raya Ipoh bersaing dan maju selaras dengan bandar raya - bandar raya besar di negara ini," katanya.

MBI bawa perkhidmatan kepada warga kota

SEIRING dengan perubahan dalam sistem penyampaian kerajaan, konsep menunggu pelanggan datang mendapatkan perkhidmatan mungkin sudah lapuk.

Berlandaskan misi ini, MBI mengambil langkah membawa perkhidmatan kepada warga kota dengan mengadakan kaunter bergerak pada setiap Sabtu dan Ahad minggu pertama setiap bulan.

Dengan slogan kepentingan warga kota diutamakan, kaunter ini dibuka bermula jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi dan 11 pagi hingga 1 tengah hari di setiap lokasi yang dikunjunginya.

Selain pembayaran bil-bil semasa, pekhidmatan yang ditawarkan adalah kutipan sewa, semakan cukai taksir, kompaun lalu lintas dan pemohonan lesen anjing.

Pada 15 Mei, kaunter bergerak tersebut telah mengunjungi perumahan rumah pangsa di bawah seliaan pihak majlis seperti Kinta Heights, Taman Harmoni, Buntong dan Sungai Pari.

Warga kota yang berkesempatan menggunakan perkhidmatan kaunter bergerak ini memuji usaha murni MBI ini yang menurut mereka banyak memudahkan urusan kehidupan seharian.

Omar Hashim, 55, berkata beliau kini tidak perlu bersusah payah memandu ke pusat bandar raya bagi membuat urusan dengan MBI.

Pendapat sama disuarakan oleh B.Kumar, 51, yang berterima kasih kepada MBI kerana memudahkan urusan warga kota tetapi mahu supaya khidmat aduan awam turut disediakan.

Pembantu Tadbir Bahagian Pengurusan Harta Jabatan Penilaian MBI, Rosssyatimah Ridzuan berkata kaunter bergerak ini sentiasa mendapat sambutan di setiap lokasi yang dikunjungi.



MBI brings mobile services to city residents



IN line with changes in the government's delivery system, the days of customers having to wait for long periods of time is set to come to an end.

To achieve this mission, MBI has decided to enhance its services to city folks by operating mobile counters every first Saturday and Sunday of the month.

With the slogan - The well being of city folks, our main focus - these counters open from 8.30am to 10.30am and 11am till 1pm at each location.

Apart from the payment of bills, city dwellers can also pay rent, assessments, traffic compounds and even apply for dog licenses.

On May 15, the mobile counter visited several apartment blocks under its jurisdiction such as Kinta Heights, Taman Harmoni, Buntong, and Sungai Pari.

City folks who used this new service praised the move taken by MBI as it has certainly made their lives much easier.

Omar Hashim, 55, said that now he does not need to drive all the way to the city to settle his dues with the council.

This was echoed by 51-year-old B. Kumar who thanked MBI for coming up with the idea.

He, however, suggested that a complaints counter also be added to the existing services offered.

Meanwhile, assistant administrator for MBI's Property Management section (Evaluation Department), Rosssyatimah Ridzuan said the mobile counters have proven to be a hit with city folks.



MBI akan jadi PBT pertama kaji kadar radiasi



MBI bakal menempa nama apabila ia menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negara ini yang mengambil inisiatif untuk memeriksa kadar radiasi stesen pemancar sistem telekomunikasi yang dipasang di sebahagian sekolah seluruh bandar Ipoh.



Inisiatif ini diambil atas arahan kerajaan negeri

yang telah mengarahkan MBI melakukan pemeriksaan tersebut dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan segera.

Perkara ini diumumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar, Hal Ehwal Pengguna, Pengangkutan Awam dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Datuk Dr. Mah Hang Soon.

"Kita sedar ada sekolah di Ipoh mempunyai stesen pemancar sistem telekomunikasi sedangkan kadar radiasi secara berlebihan mampu membahayakan kesihatan kanak-kanak.


"Oleh itu setiap stesen pemancar tersebut akan diperiksa MBI dengan kerjasama SKMM. Jika tidak menepati spesifikasi dan jumlah kadar radiasi yang ditetapkan, ia akan dirobohkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Forum Menilai Kesan Radiasi Radio-Frekuensi (RF) Sistem Telekomunikasi anjuran MBI dan SKMM di Hotel Regency, baru-baru ini.

Dr Mah berkata antara spesifikasi yang mesti dipatuhi ialah stesen pemancar itu perlu berada 15 hingga 40 meter dari aras bumi dan had kadar radiasi tidak melebihi 1,800 megahertz.

Beliau berkata, sekiranya terbukti membahaya selain stesen pemancar itu akan dirobohkan, syarikat telekomunikasi

terlibat boleh dikenakan tindakan lain seperti dikompau dan disenaraihitamkan.



MBI kutip RM66 juta kutipan cukai bagi tempoh lima bulan

PRESTASI kutipan cukai taksiran MBI terus berada ditahap yang memberangsangkan dengan sejumlah RM66.18 juta berjaya dikutip bagi tempoh lima bulan sehingga Mei lalu.

Angka cukai taksiran yang berjaya dikutip tersebut adalah selaras dengan peningkatan jumlah hasil (billing) yang meningkat sebanyak RM1.38 juta.

Dengan peningkatan tersebut, jumlah hasil (billing) MBI kini berada pada RM58.58 juta.

Bagi tunggakan pula, ianya telah menunjukkan penurunan sebanyak RM8.86 juta dimana kadar tunggakan terkumpul MBI kini adalah pada RM58.58 juta.

Datuk Bandar Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim menyifatkan peningkatan hasil dan penurunan tunggakan ada kaitan dengan usaha MBI menggiatkan

aktiviti task force Unit Kawalan Tunggakan di sekitar Bandar Raya Ipoh.

Menurut beliau kategori harta yang paling banyak mempunyai tunggakan adalah kategori kediaman (145,421 pegangan dengan jumlah RM10.04 juta) dan diikuti oleh kategori kilang/industri (5,145 pegangan berjumlah RM1.14 juta).

Beliau berkata, kawasan tunggakan tertinggi pula adalah Bercham (8,638 pegangan dengan nilai RM1.42 juta), diikuti oleh Menglembu (5,270 pegangan dengan nilai tunggakan RM1.14 juta), Pengkalan (4,493 pegangan, nilai tunggakan RM2.07 juta) dan Zon A Silibin (1,656 pegangan, nilai tunggakan RM1.02 juta).

Sehubungan dengan itu, beliau memohon warga kota supaya menjelaskan segera bayaran cukai taksiran mereka agar perkhidmatan yang lebih baik dapat diberi dan lebih banyak pembangunan dapat dilaksanakan.

MBI isytihar “perang” terhadap Aedes

DALAM memastikan bandaraya Ipoh bebas denggi, MBI telah mengisytihar “perang” habis-habisan terhadap nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakannya.

Bagi memastikan misi ini berjaya, MBI sejak 1 Mei lalu tidak lagi memberikan lagi potongan bagi kompaun yang dikeluarkan kepada wargakota yang didapati mempunyai tempat pembiakan di kawasan mereka.

Sehingga April lalu, sebanyak 203 kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan membiak nyamuk Aedes yang mana jika di bawa ke mahkamah, boleh dikenakan denda maxima sebanyak RM10,000 jika didapati bersalah.

Terdapat 321 kes deman denggi telah dilaporkan di kawasan pentadbiran MBI sehingga 16 Mei lalu.



Sementara itu, Pegawai Kesihatan MBI Dr Harjeet Kaur berkata kawasan seperti Lim Garden, Klebang Jaya dan Taman Cempaka adalah antara yang telah dikenalpasti kawasan pembiakan Aedes.

Kata beliau Manjoi juga berpotensi menjadi kawasan berisiko tinggi pembiakan nyamuk Aedes berikutan terdapat banyak rumah-rumah kosong dan kawasan pembinaan tinggal.



Penyerahan zakat bakal diadakan setiap tahun

MULAI tahun depan, MBI akan mengadakan majlis penyerahan zakat perniagaan kepada asnaf sebagai salah satu acara tahunan sambutan Ulangtahun Bandar raya.

Datuk Bandar Ipoh, Y.Bhg. Dato' Roshidi Hashim berkata, ia bagi membolehkan warga bandar raya ini yang memerlukan bantuan sama ada anak-anak yatim, orang kurang upaya, ibu tunggal, warga emas, pelajar miskin mahupun individu yang mengalami kesusahan hidup dibantu.

"Bandaraya Ipoh mempunyai golongan miskin yang memerlukan bantuan dan pembelaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian wang zakat perniagaan Syarikat Takaful Malaysia Berhad oleh Kelab Bakti Gunung Kledang dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) di kediaman rasmi Datuk Bandar Ipoh pada 21 Jun lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar Takaful Malaysia Berhad Abdul Khalid Salleh; Presiden Kelab Bakti Gunung Keledang dan Setiausaha Politik Menteri Besar, Ismail Sopian serta Razali Merican dari Kelab Keledang.

Pada majlis itu, seramai 60 warga miskin termasuk anak-anak yatim menerima sumbangan masing-masing.

Sumbangan turut diberikan kepada seorang pesara MBI, Ahmad Idris yang hidup dalam kedaifan yang diwakili oleh isterinya, Mariam Puteh Nikmat yang kisahnya pernah dipaparkan oleh media.

Roshidi berkata, MBI kebiasaannya dapat mengenalpasti golongan asnaf semasa program turun padang yang dilakukan beliau mahupun pegawai-pegawainya.

"Hasil dari lawatan tersebut, kita dapat melihat sendiri dan mengenalpasti golongan miskin termasuklah membuat kajian pendapatan dan tanggungan mereka sebelum mereka disenaraikan dalam golongan miskin dan miskin tegar dalam bandar," katanya.

Katanya, bantuan yang diperlukan oleh golongan miskin bukan semata-mata dalam bentuk kewangan, malahan mungkin dalam bentuk meningkatkan pendapatan, latihan, kaunseling dan bimbingan rohani.



Bantuan kepada golongan miskin tegar

BAGI memastikan golongan miskin tegar dalam bandar mendapat pembelaan sewajarnya, MBI ada menyediakan borang bagi membantu mereka yang memerlukan.

Borang boleh didapati di Jabatan Hal Ehwal Komuniti, Tingkat 7, Bangunan MBI, Jalan Sultan Abdul Jalil dengan

percuma.

Mereka yang berjaya akan disenarai sebagai penerima di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi talian 05 - 208 3246.



Setiasaha Bandar Raya, Dato' Abdul Rahim Md Ariff bergambar bersama wakil-wakil penaja IIR 2009.

Majlis penyerahan tajaan IIR 2009

SEJAK diperkenalkan lebih 10 tahun lalu, acara Ipoh International Run (IIR) anjuran MBI sememangnya telah berjaya menempa nama di kalangan ahli sukan tanah air mahupun peringkat antarabangsa.

Berikutan reputasinya yang begitu baik, maka tidak hairanlah mengapa acara ini sentiasa mendapat peluang tajaan dari syarikat-syarikat setiap tahun.

Seperti tahun-tahun lalu, Sports Toto kekal menjadi penaja utama bagi IIR 2009 dengan sumbangan wang tunai RM4,000, lima buah basikal jenama Le Run, 40 unit barangan elektrik Singer, 8,000 helai beg plastik Toto untuk mengisi "goodies".

Ini diikuti oleh pengeluar minimum kecergasan iaitu F&N Coca Cola (M) Sdn Bhd dengan tajaan minimum 100 Plus kepada pegawai, peserta dan petugas sebanyak 45,000 cawan, 1,000 pasang T-shirt, 44 karton, 10 banner dan 4 karton 100Plus 500ml.

Turut menaja barangan dan hadiah adalah Nestle Product Sdn. Bhd. dan Ngan Yin Groundnut Factory Sdn. Bhd.



MPSJ muncul juara Futsal PBT Malaysia

PASUKAN Futsal Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) muncul juara pada Kejohanan Futsal Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia 2009 yang telah berlangsung selama dua hari di Stadium Indera Mulia, Ipoh pada 2 dan 3 Mei lalu.

Pasukan tersebut membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, Piala Pusingan dan Piala Iringan serta medal.

Naib Johan dimenangi oleh Pasukan Futsal Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) yang membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM3,000, Piala Iringan dan medal manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang menerima hadiah wang tunai RM1,000 dan medal.

Tempat keempat dimenangi oleh pasukan Futsal Majlis Perbandaran Jasin, Melaka yang juga menerima hadiah wang tunai RM1,000 dan medal.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pengarah Hal Ehwal Komuniti Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Encik Zulkifli Jaafar Sidek yang mewakili Datuk Bandar Ipoh, Y.Bhg. Dato' Haji Roshidi Hashim.

Kejohanan futsal tersebut mendapat sambutan yang amat menggalakan dengan penyertaan sebanyak 17 pasukan dari PBT seluruh negara.

Selain bertujuan melahirkan jaguh sukan futsal negara, kejohanan tersebut dapat mengeratkan tali silaturahmi di kalangan warga kerja PBT seluruh negara.

“Walaupun pasukan Futsal MBI gagal memenangi sebarang hadiah tetapi kita akan mencuba dan bekerja keras menjalani latihan lebih intensif untuk muncul juara pada kejohanan tahun depan,” menurut Penolong Pengarah Hal Ehwal Komuniti MBI, En. Romzi Zambri.





Pertandingan Jet Ski Piala Datuk Bandar

BUAT julung-julung kalinya, MBI telah menganjurkan pertandingan Jet Ski Piala Datuk Bandar di Lahat Mines pada 31 sempena sambutan Hari Bandar Raya yang ke-21.

Acara yang dinaungi oleh YAM Raja Kecil Tengah Raja Ashman Shah itu diadakan di tasik dikenali sebagai Waterfront City dan dianjurkan bersama pemaju hartanah Excellent Realty Sdn. Bhd.

Pertandingan itu mendapat sambutan hangat dengan 40 peserta dari Perak serta Selangor dan Negeri Sembilan mengambil bahagian.

Lee Yew Kong muncul pemenang bagi kategori tanpa had manakala bagi kategori 800cc dimenangi oleh Ahmad Dawii Alias. Adik beradik Tee Chun Kit dan Terry Tee pula masing-masing mendapat tempat ketiga dan keempat.

Jurucakap Excellent Realty, Rodney Lee mengesahkan bahawa Piala Datuk Bandar akan menjadi salah satu acara tahunan sempena sambutan Hari Bandar Raya.

